

## **UMP Jalin Kerjasama dengan Neopeutics dalam Bidang Bioteknologi**



California 28 Mac – Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjalankan kerjasama dalam bidang bioteknologi dengan syarikat bereputasi tinggi iaitu Neopeutics InCorporation (Neopeutics) yang merupakan peneraju di dalam bidang penemuan bahan aktif yang berpotensi untuk dijadikan ramuan produk farmaseutikal.

Satu bentuk kerjasama telah dimerentari melalui memorandum persefahaman (MoU) yang ditandatangani oleh Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Ketua Pegawai Eksekutif Neopeutics, Dr. Izza Jahari. Hadir sama Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Dato' Seri Mohd Hilmey Mohd Taib, ahli LPU, Syed Mohamed Hamzah Al-Junid Syed Abd. Rahman dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff.

Dato' Dr. Daing berkata, syarikat yang kini bertapak di South San Francisco ini terkenal dengan bioteknologi industri. Diasaskan oleh Dr. Izza Jahari yang merupakan seorang rakyat Malaysia sangat komited dalam penemuan dan pengkormesilan produk herba semulajadi yang berkualiti ke pasaran biofarmaseutikal antarabangsa," katanya.

"Kerjasama ini memberi peluang kepada UMP untuk menghantar kakitangan dan juga pelajar untuk menjalani latihan strategik di dalam pelbagai bidang penemuan inovasi dan juga keusahawanan di Neopeutics," katanya. Kerjasama ini juga memberi tumpuan dalam bidang penyelidikan yang melibatkan penemuan, pembangunan produk nutraceutical dan pengkomersilan produk penyelidikan UMP.

Neopeutics juga mempunyai operasi di Pulau Pinang dan Neopeutics Sdn.Bhd merupakan sebuah syarikat bertaraf BioNexus di bawah Malaysian Biotechnology Corporation, agensi di bawah Kementerian Sains, teknologi dan Inovasi (MOSTI).



**Berita dan gambar disediakan oleh Hazlina Faizal dari Jabatan Penyelidikan dan Inovasi. Suntingan oleh Bahagian Komunikasi Korporat.**

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 06-04-2016, 11:53:03